

Pelajar UiTM ditambah 200,000 orang Disember

Um 18/11/06

KUALA LUMPUR 17 Nov. - Datuk Seri Najib Tun Razak mengumumkan keputusan kerajaan untuk menambah pelajar Universiti Teknologi Mara (UiTM) kepada 200,000 orang mulai pengambilan Disember ini dalam usaha memacu minda generasi muda Melayu.

Timbalan Perdana Menteri menggariskan empat sebab bagi mewajarkan keputusan itu yang ada kaitan dengan singkatan UiTM iaitu:

- Universiti ini Tolong Melayu
- Universiti ini Tongkat Melayu
- Universiti ini Tempat Melayu dan
- Universiti ini Tonggak Melayu.

"Keputusan ini bertujuan mengubah pemikiran yang sebelum ini menganggap UiTM sebagai kelas kedua kepada universiti bertaraf dunia," katanya ketika mengulung perbahasan Perhimpunan Agung UMNO di PWTC hari ini.

Beliau yang juga Timbalan Presiden UMNO memberitahu sebanyak RM3 bilion diluluskan bagi memperkasa universi-

ti itu dalam tempoh Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9).

"Peruntukan ini antaranya ialah untuk membiayai hampir 300 jenis program akademik, membina lebih banyak asrama pelajar dan menambah cawangan UiTM termasuk meningkatkan profesionalisme para pensyarah," katanya.

Najib kemudian memetik ucapan ayahandanya Allahyarham Tun Abdul Razak Hussein ketika meletak batu asas UiTM pada 14 Oktober 1967 yang antaranya berbunyi:

"Di atas tanah seluas 100 ekar ini yang akan menjadi 300 ekar pada 1969, Mara akan mencurahkan segala tenaga, fikiran dan kepercayaannya yang penuh bagi merangsang dan mendirikan satu masyarakat bumiputera yang berpelajaran, berilmu, berkemahiran dan berfikiran baru.

"(Mara) satu langkah tepat untuk membawa kemajuan kepada bumiputera kerana di sinilah punca segala usaha dan harapan kita bagi menambah tenaga manusia bumi-

putera yang terlatih dalam bidang sains dan teknologi serta profesion penting lain."

Najib berkata, kerajaan juga akan merekayasa Universiti Tun Abdul Razak (UNITAR) supaya lebih mantap dan berdaya saing agar dapat melahirkan lebih ramai anak Melayu terpelajar.

Dalam perkembangan lain, Timbalan Perdana Menteri berkata, kerajaan memberi jaminan akan mempercepatkan pengisian jawatan kosong dalam perkhidmatan awam bagi mengatasi masalah graduan menganggur di negara ini.

Sehingga 14 September lalu, menurutnya, sebanyak 20,281 jawatan sektor awam berjaya diisi menjadikan jumlah graduan menganggur berkurangan kepada 25,000 orang berbanding 50,000 orang pada Julai lalu.

Antara yang terlibat menangani masalah itu katanya, ialah agensi kerajaan dan syarikat berkaitan kerajaan (GLC) seperti Suruhanjaya Sekuriti, Khazanah Nasional, Proton, Pos Malaysia, MAS, Tenaga Nasio-

nal Berhad (TNB), Permodalan Nasional Berhad (PNB), Lembaga Hasil dalam Negeri (LHDN) dan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP).

"Perkara ini diputuskan dalam mesyuarat Jawatankuasa Kabinet Mengenai Graduan Menganggur yang dipengerusikan oleh saya.

"Agensi dan syarikat ini telah menyediakan Skim Latihan Graduan kepada lebih 3,000 graduan yang menganggur," katanya.

Najib memberitahu usaha lain yang akan diambil oleh kerajaan bagi menangani masalah itu ialah melancarkan Karnival Kerjaya Kebangsaan pada bulan depan.

Karnival besar-besaran itu, katanya, akan menjadi pusat sehenti kepada semua graduan yang sedang mencari pekerjaan sesuai dengan kelulusan mereka.

"Namun kita menyambut baik saranan wakil Kelab UMNO yang mencadangkan graduan menganggur berusaha merebut peluang menjadi usahawan," katanya.